

(5 April 2021) Sinar Harian, p.8

1,342 kes penularan tempatan manakala tujuh lagi kes import

1,349 kes baharu, dua kematian

KUALA LUMPUR

Sebanyak 1,349 kes baharu Covid-19 dan dua kematian direkodkan pada Ahad, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, daripada jumlah kes baharu tersebut, sebanyak 1,342 adalah kes penularan tempatan manakala tujuh lagi merupakan kes import.

Katanya, Sarawak

mencatat kes baharu tertinggi dengan 419 kes, diikuti Selangor (343) dan Pulau Pinang (185).

"Sebanyak 1,270 kes sembuh dicatatkan, menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh kini 335,162. Selain itu, 186 kes dirawat di Unit Rawatan Rapi dengan 94 daripadanya memerlukan bantuan alat pernafasan," katanya dalam kenyataan mengenai Covid-19 pada Ahad.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan 10 kluster



DR NOOR HISHAM

baharu dikenal pasti iaitu Kluster Jalan Maju Cemerlang dan Kluster Jalan Murni Satu, Johor;

Kluster Jalan Suasana (Selangor), Kluster Danan (Kelantan) serta Kluster Jalan Alamanda (Putrajaya) yang merupakan kluster tempat kerja.

Empat kluster komuniti turut dikesan iaitu Kluster Sungai Mupong dan Kluster Sungai Rassau, Sarawak; Kluster Kampung Batu Lapan Lekir (Perak) serta Kluster Rich Park (Sabah), selain satu kluster pusat tahanan iaitu Kluster Tembok Sri Aman di Sarawak. - Bernama

Kluster Tembok penyumbang tertinggi jangkitan di Sarawak

KUCHING - Kluster Tembok di daerah Sri Aman menjadi penyumbang tertinggi kes jangkitan baharu Covid-19 di Sarawak pada Ahad dengan 159 kes, kata Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas.



Beliau yang juga Timbalan Ketua Menteri berkata, Kluster Tembok itu melibatkan tahanan dan kakitangan di Penjara Pusat Sri Aman.

"(Sehingga Ahad), seramai 322 tahanan telah disaring di mana 156 tahanan positif (79 rakyat Malaysia dan 77 bukan warganegara Malaysia) dan 166 masih menunggu keputusan makmal manakala bagi kakitangan penjara pula, 131 telah disaring dan tiga disahkan positif, lapan didapati negatif dan 120 masih menunggu keputusan," katanya.

Uggah berkata, Penjara Pusat Sri Aman juga telah diwartakan sebagai Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) untuk kes positif melibatkan tahanan manakala dewan di penjara tersebut digunakan untuk kakitangan positif.

Selain kluster itu, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak turut mengisytiharkan dua lagi kluster baharu iaitu Kluster Sungai Mupong di Meradong dan Kluster Sungai Rassau di Matu. - Bernama


SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 4 April 2021

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
350,959	335,162	186	1,288	+1,349	787,504



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 349,610 kes kepada 350,959 kes